

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001**

FEBRUARI/MAC 2001

RMK 356 – PENGURUSAN BINAAN DAN KEWANGAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan.

BAHAGIAN A: (Jawab **DUA** soalan sahaja)

1. a) Dengan merujuk kepada kajian yang sahih sahaja, sebutkan secara ringkas kualiti yang patut ada pada seorang pengurus projek.

b) Siapakah ahli-ahli yang berkemungkinan wujud dalam pasukan nyata dan pasukan tak nyata?

c) Siapakah yang dimaksudkan dengan pemegang kepentingan dalam sesebuah projek? (25 MARKAH)

2. a) “Cabaran yang dihadapi oleh pengurus projek berubah mengikut fasa dalam kitaran binaan projek.” Bincangkan kenyataan ini dalam konteks:

- i) konflik yang timbul
- ii) faktor kejayaan kritikal yang perlu ada

Anda perlu merujuk kepada hasil kajian yang relevan.

b) Sebutkan jenis kuasa yang paling berkesan bagi seorang pengurus projek dalam beliau melaksanakan kerjanya. Gunakan penulisan yang berdasarkan kajian untuk menjelaskan perkara ini. (25 MARKAH)

3. a) Sebutkan perbezaan utama di antara sistem pemerolehan reka-dan-bina dan tradisional. Jelaskan dengan ringkas tiga pendekatan sistem pemerolehan reka-bina.
- b) Apakah pengajaran yang dapat kita kumpas daripada pengalaman di UK mengenai kaedah reka-dan-bina?
- c) Apakah yang patut diambilkira oleh konsultan di Malaysia apabila mencadangkan kaedah reka-dan-bina kepada klien?
- (25 MARKAH)

BAHAGIAN B: (Jawab DUA soalan sahaja)

4. Kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan kegagalan sebahagian besar firma kecil dan sederhana berpunca dari masalah Modal Kerja. Pada pandangan anda, apakah faktor yang menyebabkan Modal Kerja begitu penting kepada survival firma?
- (25 MARKAH)
5. Syarikat dimana anda bekerja sedang dalam proses untuk memilih alternatif pelaburan yang terbaik diantara beberapa bentuk pelaburan yang dirasakan sesuai untuk diceburi dalam tempoh 5 tahun akan datang (2002 – 2007). Anda sebagai salah seorang kakitangan kanan telah diminta untuk memberi cadangan untuk membantu bos anda membuat keputusan pelaburan yang betul. Apakah yang akan anda cadangkan kepada beliau?
- (25 MARKAH)
6. Beri hurai ringkas tentang TIGA dari istilah yang berikut. Gunakan gambarajah dan berikan contoh-contoh yang sesuai untuk menjelaskan penerangan anda :
- a) Sewapajak Kewangan
 - b) Faktoran
 - c) Pembiayaan Inventori
 - d) Belanjawan Modal
 - e) Aset Semasa Tetap
 - f) Aset Tak Ketara
- (25 MARKAH)